



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 9 JUN 2022

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	SEKURITI MAKANAN NEGARA DIPERKUKUH, NASIONAL, SH -22	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	RM150m ALLOCATED TO ASSIST FISHERMEN, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -3	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	RM150MIL TO MODERNISE FISHING WITH HIGH-TECH VESSELS, NATION, THE STAR -11	
4.	PERUNTUK RM150 JUTA TRANSFORMASI NELAYAN, LOKAL, HM -13	
5.	JUMLAH PENDARATAN IKAN NS STABIL, NEGARA, KOSMO -16	
6.	RM150j JAYAKAN TRANSFORMASI KOMUNITI NELAYAN, NASIONAL, BH -5	
7.	PENANG FAMA FEST 2022 SASAR JUALAN RM500,000, NEGARA, KOSMO -14	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
8.	HARGA LIMA SAYUR MELONJAK, NASIONAL, BH -5	LAIN-LAIN
9.	MyCC BOARD TO GET CHICKEN CARTEL REPORT BY MONTH'S END, NATION, THE STAR -11	
10.	'BERTANI DAMAIKAN JIWA', NASIONAL, BH -18	
11.	KRISIS BEKALAN MAKANAN DUNIA BAKAL BERLARUTAN, BISNES, BH -37	
12.	PELAN PERTANIAN SELAMATKAN TERENGGANU DARIPADA KRISIS MAKANAN, DARUL IMAN, HAKAKAH	
13.	'FOOD SECURITY' NEGARA: APAKAH MASIH MAMPAN?, NASIONAL, HAKAKAH H4 & H5	
14.	SPEKIS IKAN MENINGKAT DI TERENGGANU IMPAK TUKUN, TERENGGANU KINI, HAKAKAH -H25	
15.	KEJAYAAN IS21 MEMBANGGAKAN NEGARA, FIKRAH, HAKAKAH -F6	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/6/2022	SINAR HARIAN	NASIONAL	22

Sekuriti makanan negara diperkukuh

Langkah jangka masa sederhana dan panjang untuk stabilkan bekalan, harga makanan

Oleh **MOHAMMAD KHAIRIL ASHRAF MOHD KHALID SHAH ALAM**

Kesemua inisiatif sekuriti makanan negara yang dirangka sedang giat dilaksanakan oleh pihak kerajaan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Klандее berkata, ia di-

susuli langkah jangka masa sederhana dan panjang untuk menstabilkan bekalan dan harga makanan.

"Kerajaan, akan terus memperkukuh sekuriti makanan negara supaya kekal terjamin.

"Dalam menghadapi situasi peningkatan harga dan kekurangan bekalan, kerajaan telah mengumumkan beberapa tindakan jangka pendek," katanya dalam kenyataan, pada Rabu.

Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah sebelum ini bertitah agar krisis sekuriti makanan perlu ditangani segera, terutama dalam keadaan dunia



RONALD

menghadapi pelbagai kemelut ketika ini.

Seri Paduka Baginda menitahkan satu pelan jangka panjang dirangka untuk mengukuhkan sekuriti makanan dan menjamin kos sara hidup pada tahap bersesuaian.

Ronald berkata, MAFI melalui

Jawatankuasa Teknikal yang dipengerusikan bersama Tan Sri Mohd Zuki Ali akan terus meneliti sebarang isu berkaitan bekalan makanan negara.

Menurut Ronald, MAFI akan meneruskan usaha memperkukuh sekuriti makanan negara mengambil kira isu di sepanjang rantaian bekalan makanan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/6/2022	THE SUN	NEWS WITHOUT BORDERS	3

RM150m allocated to assist fishermen

PUTRAJAYA: The government has allocated RM150 million under the Food Security Fund and provided soft loans for fishermen to acquire modern high-tech vessels.

The Fisheries Department said the assistance was for the development of the coastal fisheries industry through a vessel modernisation programme, encouraging the use of environmentally-friendly equipment and improving the fishing tools and efficiency of vessels in Zone A and Zone B.

“It opens up opportunities for traditional fishermen in Zone A and Zone B to upgrade and modernise their vessels. It also improves the safety aspect and improves the quality of the catch. It would directly increase the income of fishermen,” it said in a statement issued in conjunction with the World Oceans Day celebrations yesterday, Bernama reported.

The department said the assistance also encouraged fishermen to operate in more remote zones, with modification of vessels and procurement of new engines.

The statement said Malaysia, as a signatory of the Convention on Biological Diversity, was required to ensure that 10% of the country's waters were gazetted as marine protected areas.

RM150mil to modernise fishing with high-tech vessels

PUTRAJAYA: The government has allocated RM150mil under the Food Security Fund (DJM) and provided soft loans to fishermen for the acquisition of modern high-tech vessels, says the Fisheries Department.

The assistance is for developing the coastal fisheries industry through a vessel modernisation programme, encouraging the use of environmentally-friendly equipment, and improving fishing tools and the efficiency of vessels in Zone A and Zone B, it added.

Zone A covers coastal fishermen

who operate up to eight nautical miles (14.8km) from the coastline, while Zone B fishermen have larger vessels and go as far out as 15 nautical miles – beyond which is Zone C.

“It opens up opportunities for traditional fishermen in Zone A and Zone B to upgrade and modernise their vessels, as well as use more automated, efficient and resource-friendly fishing equipment,” the department said, reported Bernama.

This, it added, would improve fishermen’s safety and the quality of

their catch.

“It would directly increase the income of fishermen in Zones A and B,” the department said in a statement issued in conjunction with the World Oceans Day celebration yesterday.

It also said the assistance would also allow fishermen to operate their vessels in more remote zones, modify their vessels and get new engines.

It added that Malaysia had signed the Convention on Biological Diversity (CBD) that required 10% of the country’s waters to have been made into Marine Protected Areas

(MPAs) by 2020.

The department currently manages 2,486.13 sq km of waters, while Malaysia is required to have a total MPA of 2,631.8093 sq km.

Meeting the MPA requirement would allow Malaysia to achieve Sustainable Development Goal 14 (SDG 14), especially goals 14.1, 14.2 and 14.5, namely Life Below Water under the SDGs.

“The achievement of the SDG will further ensure food security from marine sources in addition to other marine life such as coral reefs,” the department added.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/6/2022	HARIAN METRO	LOKAL	13

Peruntuk RM150 juta transformasi nelayan

Putrajaya: Kerajaan memperuntukkan bantuan berjumlah RM150 juta di bawah Dana Jaminan Makanan (DJM) dan pinjaman mudah bagi mentransformasikan nelayan melalui perolehan vesel moden berteknologi tinggi.

Jabatan Perikanan dalam kenyataannya memaklumkan kedua-dua kemudahan itu adalah untuk pembangunan industri perikanan pantai menerusi program pemodenan vesel, menggalakkan penggunaan peralatan mesra alam dan peningkatan mekanisasi peralatan tangkapan vesel di Zon A dan Zon B.

“Ia (bantuan) membuka peluang nelayan tradisi di Zon A dan Zon B menaik taraf dan memodenkan vesel, mekanisasi, peralatan tangkapan yang lebih efisien dan mesra sumber.

“Selain itu, ia meningkatkan aspek keselamatan dan peningkatan kualiti hasil tangkapan secara mampan selain secara langsung meningkatkan pendapatan nelayan A dan

Zon B,” menurut jabatan itu dalam kenyataan yang dikeluarkan sempena sambutan Hari Laut Sedunia semalam.

Menurut Jabatan Perikanan, kemudahan bantuan itu juga menggalakkan vesel beroperasi di zon yang lebih jauh, mengubah suai vesel dengan konsep ke arah pemodenan vesel, pembelian enjin baharu atau menambah baik peralatan menangkap ikan bagi berpindah ke Zon C.

“Ini seterusnya akan meningkatkan proses pemuliharaan semula jadi stok ikan dan kualiti ekosistem di kawasan kurang 12 batu nautika dari pantai dan mewujudkan kawasan menangkap ikan yang stabil serta penerokaan yang mampan.

“Ini sekali gus akan mengurangkan kebergantungan penggunaan kru bukan warganegara bekerja di atas vesel penangkapan ikan tempatan dan menggalakkan penglibatan kru warganegara termasuk belia bekerja di atas vesel penangkapan ikan yang moden dan selesa,” menurut jabatan itu.

Jabatan Perikanan memaklumkan Malaysia sebagai satu daripada negara yang telah memeterai Konvensyen Kepelbagaian Biologi (CBD) dituntut untuk memastikan sebanyak 10 peratus daripada keluasan perairan marin negara dijadikan sebagai Kawasan Perlindungan Marin (MPAs) menjelang 2020.

Sehingga kini, jumlah keluasan perairan yang ditadbir oleh Jabatan Perikanan adalah 2,486.13 kilometer persegi (km²), manakala jumlah keseluruhan MPA untuk Malaysia adalah sebanyak 2,631.8093km².

Dengan adanya MPAs, Malaysia akan mencapai Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) yang ke-14 khususnya sasaran 14.1, 14.2 dan 14.5 iaitu Kehidupan Dalam Air di bawah SDG.

“Pencapaian SDG tersebut seterusnya akan menjamin kelestarian jaminan makanan dari sumber marin dengan lebih mampan di samping kehidupan marin yang lain seperti terumbu karang,” menurut kenyataan itu. - Bernama

Jumlah pendaratan ikan NS stabil

PORT DICKSON – Jumlah pendaratan ikan di Negeri Sembilan adalah stabil walaupun berlaku sedikit kekurangan bekalan akibat keadaan cuaca yang tidak menentu yang berlaku di negeri ini.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Sembilan, Kasim Tawe berkata, permintaan tinggi terhadap bekalan ikan ketika musim cuti sekolah juga mempengaruhi pengurangan bekalan ikan ketika ini.

“Permintaan terhadap bekalan ikan tinggi terutama ketika musim cuti sekolah ini. Jabatan Perikanan negeri ingin memaklumkan bahawa pendaratan ikan di negeri ini masih stabil dan cuaca yang tidak menentu dilihat antara faktor bekalan berkurangan sedikit.

“Keadaan cuaca ketika ini juga menyebabkan nelayan kurang ke laut. Antara jenis ikan yang sering didapati di negeri ini adalah siakap, jenahak dan ikan merah,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada Program Pengurusan Perikanan Melalui Pendekatan Ekosistem (EAFM) di Pantai Bagan Pinang, di sini semalam.

Turut hadir, Pengerusi Persekutuan Nelayan Negeri Sembilan, Abu Bakar Dawam.



KASIM melepaskan ikan siakap di perairan Port Dickson semalam.

Sementara itu, Kasim memberitahu, program yang diadakan Jabatan Perikanan itu berlangsung selama dua hari dan diisi dengan pelbagai aktiviti termasuk membuat dan melabuhkan unjam dan melepaskan ikan siakap di sekitar pantai berkenaan.

Unjam yang dilabuhkan di kawasan tersebut akan menambatkan lagi habitat pelbagai spesies ikan sekali gus meningkatkan aktiviti perikanan re-

kreasi yang menjadi punca pendapatan sampingan kepada ahli myKomuniti Perikanan (myKP) Bagan Pinang.

“Sebanyak 25 ekor ikan siakap seberat lima hingga enam kilogram di bawah jagaan Pusat Ikan Hiasan Port Dickson sejak Februari tahun lalu juga dilepaskan semula ke perairan Port Dickson bagi memperkayakan sumber stok perikanan sedia ada,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/6/2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	5

RM150j jayakan transformasi komuniti nelayan

Putrajaya: Kerajaan memperuntukkan bantuan berjumlah RM150 juta di bawah Dana Jaminan Makanan dan pinjaman mudah bagi mentransformasi nelayan melalui perolehan vesel moden berteknologi tinggi.

Jabatan Perikanan berkata, kedua-dua kemudahan itu untuk pembangunan industri perikanan pantai menerusi program pemodenan vesel, menggalakkan penggunaan peralatan mesra alam dan peningkatan mekanisasi peralatan tangkapan vesel di Zon A dan Zon B.

"Bantuan ini membuka peluang nelayan tradisi di Zon A dan Zon B menaik taraf dan memodenkan vesel, mekanisasi, peralatan tangkapan yang lebih efisien dan mesra sumber."

"Selain itu, ia meningkatkan aspek keselamatan dan peningkatan kualiti hasil tangkapan secara mampan, selain secara langsung meningkatkan pendapatan nelayan A dan Zon B," menurut jabatan itu sempena sambutan Hari Laut Sedunia, semalam.

Jabatan Perikanan berkata, kemudahan bantuan itu juga menggalakkan vesel beroperasi di zon yang lebih jauh, mengubah suai vesel dengan konsep ke arah pemodenan vesel, pembelian enjin baharu atau menambah baik peralatan menangkap ikan bagi berpindah ke Zon C.

"Ini seterusnya akan meningkatkan proses pemuliharaan semula jadi stok ikan dan kualiti ekosistem di kawasan kurang 12 batu nautika dari

pantai dan mewujudkan kawasan menangkap ikan yang stabil serta penerokaan yang mampan.

"Ini sekali gus akan mengurangkan kebergantungan penggunaan kru bukan warga negara bekerja di atas vesel penangkapan ikan tempatan dan menggalakkan pembabitkan kru warga negara, termasuk belia bekerja di atas vesel penangkapan ikan yang moden dan selesa," menurut jabatan itu.

Jabatan Perikanan memaklumkan bahawa Malaysia sebagai satu daripada negara yang memeterai Konvensyen Kepelbagaian Biologi dituntut untuk memastikan sebanyak 10 peratus daripada keluasan perairan marlin negara dijadikan sebagai Kawasan Perlindungan Marlin, menjelang 2020.

Sehingga kini, jumlah keluasan perairan yang ditadbir oleh Jabatan Perikanan ialah 2,486.13 kilometer persegi (km²), manakala jumlah keseluruhan Kawasan Perlindungan Marlin untuk Malaysia adalah sebanyak 2,631.8093 km².

Dengan adanya Kawasan Perlindungan Marlin, Malaysia akan mencapai Matlamat Pembangunan Lestari.

"Pencapaian Matlamat Pembangunan Lestari seterusnya akan menjamin kelestarian jaminan makanan dari sumber marlin dengan lebih mampan, di samping kehidupan marlin yang lain seperti terumbu karang," menurut kenyaataan itu.

-BERNAMA

Harga lima sayur melonjak.

Kuala Terengganu: Sekurang-kurangnya lima jenis sayur termasuk timun, cili api, lada merah dan salad bulat, mencatatkan kenaikan harga di bandar ini, berikutan kekurangan bekalan sejak awal minggu ini.

Harga ayam masih dijual melepasi paras siling ditetapkan kerajaan apabila dijual pada harga RM13.50 sekilogram, berbanding RM8.90 yang ditetapkan kerajaan.

Harga sayur lain seperti sawi, kubis, kacang panjang dan salad daun masih stabil kerana bekalan mencukupi.

Tinjauan di Pasar Chabang Ti-

sebabkan bekalan daripada pembekal kadang-kadang kurang dan masa melebihi permintaan.

Bagi ayam pula, jualan masih melepasi harga siling iaitu RM13 sekilogram, walaupun bekalan daripada pemborong mencukupi.

Peniaga terpaksa menjual dengan kadar tinggi kerana harga yang diperolehi daripada pembekal melepasi harga siling, iaitu RM10.50 sekilogram.

Peniaga, Zul Fakhru Amin, berkata rata-rata peniaga terpaksa menjual pada harga RM12 sekilo bagi mengelak kerugian.

"Kos pengangkutan, plastik,

gaji pekerja dan air batu semua kena ambil kira.

"Harga RM12 itu termasuk semua kos berkenaan yang kita anggap sebagai caj perkhidmatan, termasuk memotong ayam.

"Keuntungan hanya antara RM1 hingga RM1.50 bagi setiap kilogram ayam," katanya semalam.

Seorang pelanggan, Hasnah Jusoh, 32, berkata kenaikan harga barang keperluan membebankan pengguna, terutama golongan kurang mampu.

"Ayam makanan asas. Walaupun harga tinggi, pengguna tetap membeli," katanya.



Tinjauan di Pasar Chabang Tiga mendapati lima jenis sayur mengalami kenaikan harga, manakala ayam masih dijual melepasi harga siling.

(Foto Zaid Salim/BH)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/6/2022	KOSMO	NEGARA	14



MOHAMAD MUSTAHAPA (tengah) menunjukkan replika promosi Penang FAMA Fest 2022 di Pejabat FAMA Pulau Pinang semalam.

Penang Fama Fest 2022 sasar jualan RM500,000

SEBERANG PERAI – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyasarkan nilai jualan sehingga RM500,000 untuk program Fiesta Makanan, Bunga dan Buah (FAMA Fest) 2022 yang akan berlangsung lima hari bermula 22 Jun ini.

Timbalan Ketua Pengarah FAMA, Datuk Mohamad Mustahapa Awang berkata, pada masa sama pihaknya yakin karnival yang akan dilangsungkan di tapak parkir pasar raya Lotus's Seberang Jaya itu mampu menarik kehadiran sehingga 50,000 pengunjung.

"Penang FAMA Fest 2022 ini merupakan lanjutan program Penang FAMA Fest yang diadakan pada 2018 dan 2019, namun tidak dapat dilaksanakan pada

2020 dan 2021 susulan pandemik Covid-19.

"Justeru, usaha untuk memulih serta merencanakan semula ekonomi tempatan melalui penganjuran program seumpama ini pastinya amat dinanti-nantikan oleh para usahawan terlibat," katanya.

Beliau ditemui pada sidang akhbar yang turut dihadiri oleh Pengarah FAMA negeri, Mohd. Azraie Ramli di Butterworth, di sini semalam.

Seramai 130 usahawan tani dengan sebahagian besarnya merupakan usahawan tempatan dari negeri ini diberi ruang untuk memasarkan hasil pertanian mereka dengan 11 kluster serta 84 lot usahawan disediakan untuk tujuan itu.

MyCC board to get chicken cartel report by month's end

By GERARD GIMINO
gerard.gimino@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: A report on alleged cartels controlling the price and production of chicken will be presented to the Malaysia Competition Commission (MyCC) board on June 27, says its chief executive officer Iskandar Ismail.

He said the board headed by chairman Datuk Seri Mohd Hishamudin Md Yunus would then decide if the investigation found any infringement.

"A decision will then be made with our proposed next steps including notifying the parties involved and inviting them to give their defence before we come to a final decision.

"Following the final decision, we can then fully reveal our findings to the public," he said, adding this was expected to be sometime in September.

"As of now however, investigations are still being actively carried out," he told reporters after MyCC's public consultation on amendments to the Competition Act 2010 (Act 712) here yesterday.

Under the Competition Act 2010, a cartel is defined as being formed through a secret agreement between competitors in the same market.

These competitors agree to either fix the price of their products, divide their markets or limit production, among others.

On Feb 1, MyCC announced it had set up a special task force to investigate allegations of anti-competitive conduct which included anti-competitive agreements and/or abuse of dominant positions in the market that could cause an increase in the price of goods.

This came following a directive from the National Action Council on the Cost of Living meeting chaired by Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Deputy Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Rosol Wahid had also said MyCC was in the final stages of completing its investigation, with the findings expected to be tabled this month.

Commenting on MyCC's public consultation process, Iskandar said it was encouraging to see so many stakeholders from both government and industry.

"This is promising when we consider that public consultation is still something relatively new in Malaysia," he said, adding that many also posed high quality questions during the session.

In his speech earlier, Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry secretary-general Azman Mohd Yusof said the public consultation provided fresh perspectives on improving the Competition Act.

He added that the sessions were also important to obtain input from various stakeholders.

"The input will then be compiled and shortlisted for discussion by the ministry before being brought to the Cabinet.

"This will then be brought to Parliament, hopefully by the end of

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/6/2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	18

Foto bekas Ketua Polis Negara jual sayur tular

‘Bertani damaikan jiwa’

Abdul Hamid kongsi pengalaman berniaga sayuran di Rembau, Kajang

Oleh Safeek Affendy Razali
safeek@bh.com.my

Kuala Lumpur: “Tiada apa yang perlu dimalukan dengan apa yang kita buat asalkan ia halal dan tidak salah,” kata bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador, ketika mengulas gambarnya yang tular sedang menjual sayur-sayuran di gerai dengan memegang buku nota dan pen.

Abdul Hamid berkata, setiap insan tidak perlu malu dan segan dengan bidang perniagaan dan kerja yang dilakukan termasuk menjual sayur-sayuran di tepi jalan ataupun di pasar.

“Itu gambar lama ketika saya bersama rakan di gerainya suatu masa dulu.

“Saya melawat gerai kawan baik dan secara kebetulan ada individu lalu-lalang mengambil gambar,” katanya kepada *BH*, semalam.

Abdul Hamid berkata, rakan-ranya yang berniaga sayur, daging dan ikan sebelum itu pernah menjual hasil tanaman dari ladangnya.

“Gambar yang tular itu bukan satu isu besar kerana pada masa ini saya sedang menikmati kehidupan sebagai pesara kerajaan dan saya bebas melakukan apa saja asalkan ia halal dan tidak



Abdul Hamid meninjau tanaman peria yang diusahakannya di Kampung Pilin, Rembau.



Gambar lama ketika Abdul Hamid melawat rakan di pasar yang dirakam pengguna Twitter tular. (Foto Ihsan Twitter Mohamad Yusof Yahya)

melanggar undang-undang.

“Sebelum ini saya ada pengalaman menjual sayur-sayuran dari ladang di pasar serta pasar mini di Seremban, Rembau dan Kajang, tiada apa yang perlu dimalukan pun,” katanya.

Ahad lalu, seorang pengguna Twitter, Mohamad Yusof Yahya memuat naik gambar menunjukkan Abdul Hamid di hadapan sebuah gerai menjual sayur.

Yusof memuji sikap rendah diri dan keberanian bekas pemimpin tertinggi pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) itu kerana tidak segan menjual sayur di pasar.

Dalam ciapannya, Yusof berkata ‘adakah orang lain akan berani dan tidak malu melakukan perkara sama seperti Hamid? Dia langsung tidak malu. Salute to you,’ katanya.

Yusof juga dalam ciapan lainnya turut menyatakan Abdul Hamid akan duduk minum bersama penduduk di pekan kecil di Lubuk China, Negeri Sembilan, sekali gus menunjukkan dirinya dihormati dan diterima orang ramai.

“Beliau peramah sama seperti masyarakat lain sehinggakan dia sangat disenangi orang sekeliling,” katanya.

Sebelum ini, Abdul Hamid ketika menjadi Ketua Polis Negara, pernah menyatakan rasa cinta pada bidang pertanian termasuk bercucuk tanam apabila bersara kelak, sekali gus melakukan aktiviti yang boleh menyihatkan badan.

“Kini sepenuh masa saya boleh bertani, percayalah ia satu perkara yang mendamaikan. Saya menggalakkan semua orang mempelajari asas pertanian kerana ia membina stamina dan mengekalkan minda segar. Ia sangat bermanfaat,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/6/2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	37

Krisis bekalan makanan dunia bakal berlarutan

Perang Russia-Ukraine yang berpanjangan akan menyebabkan gangguan kepada keselamatan makanan dalam jangka panjang memandangkan sekatan terhadap Russia akan memberikan impak buruk terhadap pasaran global, menurut penganalisis.

Naib Presiden Kanan Analisis Strategi Stratfor, Rodger Baker, berkata tidak dapat dipastikan sama ada Eropah atau Amerika Syarikat (AS) akan segera mengubah sekatan ke atas Russia sebaik sahaja ia berlaku.

"Tidak mungkin sekatan ke atas Russia ini akan ditarik balik dalam tempoh dua, tiga, empat, lima tahun atau lebih daripada itu," katanya pada sesi panel bertajuk 'Russia-Ukraine: Order Baru Dunia dan Geopolitik dan Impak kepada ASEAN' pada Perisidangan Invest ASEAN 2022, semalam.

Baker berkata, impak utama adalah terhadap pertanian global memandangkan ia adalah pengeluaran dan pengeksport hasil pertanian penting, manakala Russia adalah pengesport baja utama.

Beliau turut memberi penekanan mengenai baja yang tidak cukup untuk mengusahakan tanaman, dan pengurangan satu atau mungkin dua tahun tanaman melalui Laut Hitam.

Menurutnya, terdapat impak jangka panjang terhadap pasaran gas asli cecair global.

Selain itu, Baker berkata keselamatan tenaga adalah antara tumpuan utama daripada konflik itu dan terdapat perbincangan dalam kalangan penganalisis untuk mengembangkan tenaga alternatif.

"Banyak perbincangan mengenai perkara ini, memacu keperluan untuk mengembangkan tenaga alternatif dengan pantas. Ia juga mendorong kepada penyambungan semula, sekurang-kurangnya ruang sementara bagi batu arang, dan bergantung terhadap sumber tenaga setempat.

"Dalam jangka panjang, ia dijangka merangsang pengembangan kuasa nuklear dan pembangunan, terutama reaktor modular kecil," katanya.

BERNAMA



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/6/2022	HARAKAH	DARUL IMAN	-

Pelan Pertanian selamatkan Terengganu daripada krisis makanan

Pelan Strategik Pertanian Terengganu 2019-2023 yang dirangka sejak pertukaran kerajaan pada 2018 menjadi 'penyelamat' rakyat di negeri ini ketika seluruh dunia berdepan krisis makanan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr Azman Ibrahim berkata sebaik memasuki Wisma Darul Iman pada Mei 2018, beliau mendapati badan pertanian negeri tidak mempunyai sebarang pelan bertindak serta agenda 'setting' yang jelas.

Justeru kata beliau, pihaknya merangka pelan strategik berkenaan dan

ia mula menampakkan hasil dengan peningkatan tahap saraf diri (SSL) makanan ruji padi daripada 43 peratus pada 2018 kepada 48 peratus (2019) seterusnya 53 peratus (2020) dan 55.8 peratus tahun lalu.

"Sebelum itu kita bekerja tanpa hala tuju, tidak pasti ke mana nak dibawa sektor Pertanian Negeri Terengganu ketika itu.

"Kemudian kita rangka Pelan Strategik Pertanian Terengganu dalam beberapa siri bengkel yang melibatkan semua pemain industri ini dari menara gading, jabatan kerajaan, wakil industri sehingga petani, penternak dan nelayan turut dilibatkan.



Kilang makanan ternakan bakal dibuka di Bukit Kor, Marang hujung tahun ini.

"Akhirnya pelan terabit berjaya dirasmikan pada Ogos 2019, ini solusi kerajaan negeri bagi meringankan beban rakyat

dengan objektif besar meningkatkan 'food security' negeri," kata beliau. Mengulas lanjut, Dr Azman berkata Tereng-

ganu sudah melangkah jauh dalam agenda keselamatan makanan (food security) negeri dengan pelancaran tersebut, ia

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/6/2022	HARAKAH	NASIONAL	H4

'Food security' negara: Apakah masih mampan?

Oleh **BAKRI JAMALUDDIN**

TAHAP kebergantungan Malaysia terhadap import makanan terlalu tinggi. Tahun 2020 sahaja Malaysia mencatatkan nilai import makanan berjumlah RM55.5 bilion, sedangkan nilai eksportnya pula hanya RM33.8 bilion.

Peningkatan ini secara langsung mendorong kepada lonjakan defisit perdagangan produk makanan dengan jumlah RM21.7 bilion iaitu telah meningkat sebanyak 24 peratus berbanding tahun 2019. Jika dilihat jumlah terkumpul import produk makanan selama 10 tahun adalah sekitar RM482.8 bilion berbanding eksport RM296 bilion.

Sektor pertanian merupakan salah satu tonggak ekonomi negara pada awal tahap pembangunan negara di tahun 70an, di mana sektor ini telah menyumbang sekitar 28.8 peratus kepada KDNK Negara. Ianya telah menurun kepada 22.9 peratus pada tahun 80an. Dan hari ini sektor pertanian hanya menyumbang sekitar 7.4 peratus secara keseluruhan kepada KDNK negara. Pun begitu sebahagian besar daripadanya adalah dari-

pada sektor perladangan dan komoditi sawit, getah, koko dan lain-lainnya.

Penurunan ini adalah disebabkan perubahan dasar negara yang memberikan penumpuan kepada sektor pembuatan dan perkhidmatan melalui Pelan Induk Perindustrian Malaysia yang mana sektor pembuatan dan perkhidmatan hari ini telah mengambil alih peranan sektor pertanian dengan nilai sumbangan masing-masing sekitar 24.6 peratus dan 57 peratus kepada KDNK negara.

Apa yang menarik di sini adalah nilai import produk makan terus meningkat dari tahun ke tahun. Senario ini sangat membimbangkan. Perubahan dasar yang memberikan penumpuan kepada sektor perindustrian turut menjejaskan dan merubah budaya kerja serta minda masyarakat Malaysia terutamanya orang Melayu yang dahulunya menjadi sumber kepada pengeluaran makanan rakyat Malaysia.

Generasi yang dilahirkan pada tahun 80-an ke atas sudah tidak berminat kepada sektor pertanian dan mereka lebih gemar kepada sektor perindustrian berasaskan elektronik dan digital.

Lebih membimbangkan sektor pertanian negara terpaksa bergantung kepada pekerja asing dari luar negara seperti Indonesia, India dan Bangladesh.

Tidak dinafikan bahawa sektor industri dan perkhidmatan telah memacu pertumbuhan ekonomi yang pesat sekitar 6.2 peratus secara purata serta menyediakan peluang pekerjaan yang banyak kepada rakyat Malaysia, tetapi 'food security' negara juga perlu diberi tumpuan secara bersama.

Apakah 'food security' negara berada dalam tahap yang selamat dan mampan? Walaupun data perangkaan menunjukkan 'food security' negara berada pada tahap yang baik, tetapi hanya untuk beberapa item tertentu dan tidak menyeluruh. Ada pendapat mengatakan 'food security' Malaysia hanya boleh bertahan selama 45 hari sahaja.

Pengeluaran beras sebagai contoh, negara-negara Asia lain sudah mampu mengeksport beras keluar, malangnya Malaysia masih lagi bergantung kepada beras import bagi memenuhi keperluan dalam negara. Malaysia hanya mampu menghasilkan sebanyak 1.5

juta tan beras atau 63 peratus daripada keperluan, sementara 890 ribu tan lagi atau 27 peratus darinya terpaksa diimport dari luar negara.

Malaysia juga masih bergantung kepada negara luar dalam memenuhi permintaan daging di mana 70 peratus keperluan daging diimport dan 30 peratus lagi dihasilkan di dalam negara. Begitu juga dengan buah-buahan dan sebagainya yang gagal memenuhi keperluan permintaan dalam negara.

Malaysia perlu mengkaji semula dasar pertanian negara dengan memberikan penumpuan khusus kepada 'food security' dan mengurangkan pergantungan kepada negara luar terhadap bekalan makanan negara. Banyak agensi di bawah Kementerian Pertanian (MOA) perlu digerakkan dengan lebih proaktif bagi menangani masalah ini secara holistik.

Hari ini negara mempunyai hanya sekitar satu juta hektar tanah pertanian berbanding 5.5 juta hektar tanah untuk usaha komoditi kelapa sawit, getah, koko dan sebagainya. Pelabur dan pemain sektor komo-

Sambung muka 5 >>

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/6/2022	HARAKAH	NASIONAL	H5

<< Dari muka 4

diti atau perladangan tidak harus mengabaikan sektor pertanian makanan dengan membiarkan sektor itu diusahakan oleh petani kecil sahaja.

Sektor komoditi yang mempunyai 'land bank' yang begitu luas perlu diajak bersama menggembiling usaha untuk mempertingkatkan kemampuan sara diri sektor makanan negara sebagai tanggung jawab sosial kepada rakyat Malaysia.

Begitu juga pemain industri pertanian harus mengambil kira pulangan sosial iaitu kestabilan serta keamanan negara, dan tidak pulangan ekonomi semata-mata ketika membuat pelaburan bagi memastikan kestabilan terus kekal. Pulangan daripada sekuriti makanan adalah kestabilan dan keamanan negara, ia tanggungjawab semua.

Kerajaan Malaysia harus segera membangunkan minda baharu (*New Development Mindset*) secara komprehensif bagi melakukan transformasi terhadap dasar dan model pertanian sedia ada kepada yang lebih produktif dan berkelanjutan (*productive and sustainable*).

Penggunaan teknologi pertanian pintar seperti precision farming, *internet of things* (IOT), *big data*, *artificial intelligence* (AI), *block chain* serta drone bagi aktiviti pemetaan, taburan benih, semburan racun dan baja. Ini akan dapat meningkatkan produktiviti hasil pertanian walaupun dengan jumlah keluasan tanah yang terhad.

Hal ini sangat penting

bagi mengurangkan pergantungan kepada buruh asing dalam rantaian pengeluaran agro-makanan negara.

Sebagai contoh Australia hari ini, melalui penggunaan teknologi di atas, telah berjaya mengeksport berasnya keluar dengan hasil sekitar 800 juta dollar Australia setahun.

Usaha perlu dilakukan untuk memastikan tanah-tanah terbiar dapat dibangunkan sebagai salah satu daripada sumber makan negara melalui usahasama koperasi-koperasi, NGO dan institusi yang berkaitan.

Agensi kerajaan seperti FELDA, FELCRA, RISDA, Pertubuhan Peladang Kebangsaan dan yang lain-lain harus digembiling dan digerakkan secara aktif untuk sama-sama terlibat secara serius bagi meningkatkan pengeluaran pertanian berasaskan agro-makanan.

Kita tidak boleh mengambil sikap 'sudah terhan-tuk baru tengadah'. Sebagai contoh makanan haiwan ternakan seperti jagung masih diimport. Bila berlakunya krisis harga ayam barulah tergesa-gesa mengambil inisiatif untuk menanam jagung di bawah usaha FGV.

Palm Kernel Expeller (PKE) sebagai contoh adalah produk sampingan (*by-product*) daripada perahan isirong sawit. Ianya dieksport ke luar negara sebagai bahan asas dalam pembuatan makan haiwan ternakan terutama lembu. Mengapa ini tidak dimanfaatkan untuk kegunaan dalam negara bagi mempertingkatkan usaha memajukan industri penternakan negara?

Peranan MARDI yang suatu ketika dulu dilihat se-

bagai pusat kepada kecemerlangan dalam melahirkan teknologi dan bahan tanaman pertanian harus dikembalikan. MARDI sebagai pusat penyelidikan dan pembangunan pertanian perlu diberi dana yang mencukupi bagi menerokai teknologi baharu dalam meningkatkan hasil pertanian dari setiap hektar keluasan tanah.

Kerajaan perlu menggubal akta bagi menghalang tanah-tanah pertanian termasuk sawah padi dari diubah menjadi kawasan perumahan dan industri. Kita berasa amat sedih di saat negara masih kekurangan bekalan beras tempatan, banyak tanah-tanah sawah telah berubah menjadi kawasan perumahan.

Bagi menjamin 'food security' negara mampan dan berkelanjutan (*sustainable*), MOF serta kementerian-kementerian lain yang berkaitan mesti mampu memanfaatkan dan mengguna pakai (*adoption and implementation*) teknologi-teknologi dan penemuan baharu seperti yang dinyatakan di atas untuk tujuan meningkat hasil pengeluaran agro-makanan.

Membina perubahan baharu minda dan budaya kerja perlu dilakukan bagi menggalakkan penyertaan rakyat tempatan dalam sektor agro-makanan dan penggunaan buruh asing perlu dikaji semula. Semoga negara berjaya keluar daripada kemelut dan krisis makanan kesan daripada pandemik Covid-19.

**>> Penulis adalah
Timbalan Pesuruhjaya
PAS Melaka dan
berpengalaman lebih 30
tahun dalam pengurusan
industri komoditi.**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/6/2022	HARAKAH	TERENGGANU KINI	H25

>> Pelan Pertanian selamatkan Terengganu daripada krisis makanan

merupakan sebuah agenda jangka pendek dan jangka panjang yang lebih menyeluruh berbanding hanya

satu pasukan tugas (task force).
"Menurut beliau, jawatankuasa 'food security'

dan jawatankuasa Gedung Pengeluaran Makanan Negeri Terengganu adalah sebahagian dari Jawatankuasa

Task Force yang ada di dalam pelaksanaan Pelan Strategik Pertanian Terengganu 2019-2023," tambah beliau.



Sektor pertanian terus menjadi pemangkin kepada ekonomi Terengganu selepas pertukaran kerajaan pada 2018.



Tumpuan khusus kerajaan dalam bidang ini bakal menjadikan Terengganu sebagai negeri pengeluar makanan.



Melon Manis Terengganu (MMT) mendapat permintaan tinggi dalam kalangan masyarakat.



Penggunaan Teknologi Digital Automation dalam bidang pertanian.

Spesies ikan meningkat di Terengganu impak tukun

U saha kerajaan melabuhkan tukun tiruan berjaya meningkatkan bilangan dan kepelbagaian spesies ikan di perairan Terengganu sekali gus berjaya memanfaatkan kepada lebih 8,985 nelayan di negeri ini.

Menurut Jabatan Perikanan Terengganu, kajian Institut Sumber Marin Asia Tenggara (ISMAT) Terengganu mendapati lokasi tukun dilabuhkan telah memberi kesan positif kepada biodiversiti pelbagai spesies ikan.

Berdasarkan laporan itu, spesies ikan selepas 45 bulan tukun dilabuhkan di lokasi kajian didapati bertambah dari 15 kepada 109 spesies membabitkan 76 spesies komersial dan 33 spesies batu karang.

"Sebanyak 32 spesies ikan komersial dan 14 spesies ikan batu karang pula direkodkan yang aktif di tukun keluli selepas dilabuhkan," kata kajian terbabit.

Sementara itu Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr Azman Ibrahim memaklumkan operasi melabuhkan 58 unit tukun bernilai RM1.069 juta di perairan negeri untuk manfaat nelayan pada tahun lalu.

"Kami meredah laut



Program melabuh unjam dan tukun sentiasa melibatkan Exco Kerajaan Terengganu.

dengan gelombang angin Tenggara bulan Oktober untuk selesaikan proses labuh tukun ini dari Kemaman sampal ke Besut," jelasnya. Seorang nelayan, Abdulah Abdul Ghani, 64, yang mendapati dengan adanya tukun-tukun tersebut, ia akan menambahkan pendapatan pada jangka masa panjang.

"Ini memandangkan ikan-ikan akan membuat berkampung di binaan tersebut sebagai sarang," tambahnya.



Tukun berperanan menjadi rumah ikair.



Tukun konkrit digunakan untuk menarik spesies ikan dasar seperti merah, kerapu, mandi abu, kunyit, tombok, deloh, sotong dan kerisi.



Terengganu satu-satunya negeri yang mengeluarkan peruntukan sendiri tambahan kepada peruntukan persekutuan bagi menjayakan program melabuh tukun.



Datuk Ahmad Amzad Hashim bersama pesawah di Kuala Terengganu.

Kejayaan IS21 membanggakan negara

Oleh **KHAIRUL AZLAM MOHAMAD**

KUALA TERENGGANU: Agensi penyelidikan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) iaitu Agensi Nuklear Malaysia telah mengambil langkah proaktif dengan penghasilan varieti baharu padi NMR152.

Timbalan Menteri, Datuk Ahmad Amzad Hashim berkata, varieti baharu padi NMR152 merupakan produk hasil kajian biak baka mutasi aruhan sinaran gama yang mempunyai ciri-ciri agronomi yang sangat diperlukan oleh petani.

"Ini telah diperakui oleh Jawatankuasa Bantuan Kerajaan Kepada Industri Padi dan Beras (JKBKIPB, MAFI) sebagai padi sah negara.

"Produk penyelidikan melalui dana yang diberi oleh MOSTI ini boleh membantu industri padi melalui peningkatan pengeluaran hasil dan pendapatan petani di negara ini.

"Benih padi NMR 152 yang telah diberi penjenamaan semula dengan panggilan IS21 ini telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri pada 20 November 2021 di Sekinchan, Selangor.

"Alhamdulillah, para pesawah dan petani yang telah menggunakan padi benih IS21 ini sejak ia dilancarkan telah memberi respon yang sangat positif," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyerahan Benih padi IS21 Kepada Pesawah Pertubuhan Peladang Kawasan Kuala Terengganu, di Kampung Kubang Tingga, Kuala Terengganu.

Khamis lepas.

Hadir sama, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Teknologi) MOSTI, Datuk Ts. Dr Mohd Noor Azman Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembedayaan Sains) MOSTI, Dr Nagulendran A/L Kangayatrurusu, Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia, Dr Abdul Rahim Harun dan Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan Kuala Terengganu, Abdullah Bakar.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Kuala Terengganu menjelaskan, semua benih padi IS21 ini mempunyai daya tahan tinggi terhadap cuaca ekstrem dan mempunyai daya rintang terhadap beberapa penyakit padi yang sering merugikan pesawah.

"Dari segi penghasilannya pula, potensi pengeluaran hasil baka padi IS21 ini boleh mencecah sehingga sepuluh tan sehektar mengikut kawasan penanaman jika diurus dengan baik mengikut garis panduan yang disyorkan.

"Bagi memastikan sumber makanan negara terjamin, selamat dan mencukupi, kerajaan sentiasa berusaha ke arah mencari kaedah-kaedah terbaik yang mampu meningkatkan penghasilan padi.

"Nuklear Malaysia turut bekerjasama dengan pelbagai agensi lain termasuk MARDI, UKM, UPM, Jabatan Pertanian, IADA dan UTM dalam pelbagai aspek kajian tanaman padi," jelasnya.

Datuk Amzad berharap, kerjasama strategik menggunakan teknologi nuklear dalam

pengeluaran tanaman dan pembangunan varieti baru boleh merancakkan lagi industri padi di negara ini.

Selain itu, katanya Nuklear Malaysia turut bekerjasama dengan agensi antarabangsa seperti IAEA dan Japan Atomic Energy Agency (JAEA) di bawah Platform Forum Nuclear Cooperation in Asia (FNCA) untuk penyinaran biji benih padi menggunakan teknologi ion beam.

"Badan dunia ini menawarkan perkhidmatan penyinaran secara percuma kepada negara-negara Malaysia termasuk khidmat nasihat teknikal.

"Jalinan kerjasama di peringkat antarabangsa ini secara tidak langsung boleh meningkatkan produktiviti penghasilan benih padi baharu di dalam negara," ujarnya.

Menurut beliau, beras merupakan makanan ruji penduduk Malaysia amat penting bagi negara ini untuk mengeluarkan hasil mencukupi, kerana kadar sara diri atau self-sufficiency level (SSL) pengeluaran padi negara ketika ini adalah sekitar 70 peratus.

Pada majlis itu, seramai 50 pesawah daripada Pertubuhan Peladang Kawasan Kuala Terengganu menerima benih padi IS21 daripada Datuk Ahmad Amzad untuk rakyat di negeri Terengganu.



Penyerahan benih padi IS21.